

PENGENDALI MAKANAN

1. Siapakah Pengendali Makanan?

Berdasarkan kepada Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 pengendali makanan adalah mana-mana orang yang –

- (a) Terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan;
- (b) Menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan; dan
- (c) Mengendalikan makanan yang dibungkus atau tidak dibungkus atau perkakas;

dalam mana-mana premis makanan.

2. Adakah *food riders* dikategorikan sebagai pengendali makanan?

Food rider yang hanya bertanggungjawab menghantar makanan yang dipesan oleh pelanggan tetapi tidak terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan seperti penyediaan makanan mentah, memasak dan membungkus makanan bukan dikategorikan sebagai pengendali makanan kerana tidak memenuhi semua tafsiran yang dinyatakan seperti di atas.

Walau bagaimanapun, sekiranya *rider* tersebut juga turut menyediakan makanan yang dihantar, maka mereka diklasifikasikan sebagai pengendali makanan dan tertakluk di bawah perundangan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

3. Adakah pemandu lori, penjaga stor, tukang cuci dikategorikan sebagai pengendali makanan?

Pemandu lori, penjaga stor dan tukang cuci tidak dikategorikan sebagai pengendali makanan sekiranya tidak terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan seperti penyediaan makanan mentah, memasak dan membungkus makanan .

4. Apakah kandungan kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM) dan siapa yang wajib hadir?

Kursus LPM akan merangkumi pengajaran mengenai asas kebersihan dan keselamatan makanan dan semua pengendali makanan adalah wajib menghadiri kursus LPM sepertimana yang diperuntukan dalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

5. Bagaimanakah cara untuk memohon menghadiri kursus LPM?

Pengendali makanan perlu menghadiri kursus LPM yang dianjurkan hanya oleh SLPM yang diiktiraf oleh KKM sahaja. Maklumat mengenai SLPM yang diiktiraf oleh KKM boleh didapati melalui laman sesawang BKKM <http://fsq.moh.gov.my/> atau menghubungi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di Jabatan Kesihatan Negeri yang berhampiran.

- 6. Berapakah yuran yang dikenakan bagi menghadiri kursus LPM?**
Yuran kursus yang telah ditetapkan oleh KKM adalah RM50.00. Walau bagaimanapun, KKM benarkan pihak SLPM untuk mengenakan caj tambahan tetapi caj tambahan tersebut perlu diperincikan dalam resit yang dikeluarkan.
- 7. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan gantian sijil LPM yang hilang atau disimpan oleh majikan lama?**
Pengendali makanan boleh mendapatkan semula sijil gantian daripada SLPM yang dihadiri dengan syarat berikut:
- SLPM tersebut masih beroperasi;
 - Pengendali makanan perlu menunjukkan bukti atau rekod berkenaan kursus yang dihadiri;
 - SLPM boleh mengenakan caj tidak melebihi RM25 bagi cetakan semula.
- 8. Sekiranya kehadiran peserta dalam kursus LPM kurang daripada 3 jam, adakah peserta layak mendapatkan sijil LPM?**
Peserta tidak layak mendapat sijil LPM sekiranya kehadiran kursus LPM kurang daripada tiga jam. Tempoh tiga jam adalah merujuk kepada kehadiran dalam satu sesi kursus dan bukannya kehadiran beberapa sesi kursus bagi melengkapkan tempoh tiga jam.
- 9. Bolehkah warga asing menyertai kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM)?**
Hanya warga asing yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dibenarkan menghadiri Kursus LPM.
- 10. Adakah pengendali makanan OKU wajib menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM)?**
Pengendali makanan OKU juga wajib menghadiri kursus LPM mengikut cara bersesuaian dengan kemampuannya dan memaklumkan status mereka kepada pihak SLPM bagi membolehkan pihak SLPM menyediakan kemudahan yang sesuai dengan OKU tersebut seperti juru bahasa isyarat dan lain-lain.
- 11. Adakah sijil LPM dikeluarkan kepada pengendali makanan yang menghadiri kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM) secara atas talian?**
Sijil Kursus LPM akan dikeluarkan kepada pengendali makanan yang menghadiri Kursus LPM secara atas talian yang dianjurkan oleh SLPM yang diiktiraf oleh KKM. Senarai SLPM yang diiktiraf dan dibenarkan untuk menganjurkan kursus LPM secara atas talian boleh didapati dalam laman sesarawang BKKM <http://fsq.moh.gov.my/>